

PM nasihatkan 61,000 graduan JPA bayar pinjaman

UM 12 JAN 2002

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan 61,000 bekas graduan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang masih belum menjelaskan pinjaman mereka supaya segera melunaskan bayaran tersebut.

Menurut Perdana Menteri, komitmen mereka menunaikan tanggungjawab itu akan membantu pelajar lain yang amat memerlukan pembiayaan itu pada masa akan datang.

"Hari ini pembayaran balik untuk pinjaman JPA berjumlah hampir RM2 bilion masih belum dijelaskan.

"Takkanlah, (peminjam) tak kerja lagi, bayarlah sikit untuk (beri peluang kepada) orang lain pula," kata-

nya ketika berucap merasmikan Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Tajaan

JPA dengan bantuan agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Lembaga Hasil Dalam Negeri ketika ini sedang mengesan bekas pelajar tajaannya yang belum melunaskan pinjaman mereka.

Semalam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, pihaknya menghantar notis kepada 57,000 peminjam yang dapat dike-

san dan mereka memberikan maklum balas positif untuk menjelaskan pinjaman.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan telah member-i banyak peluang kepada rakyat dalam bidang pekerjaan dan penguasaan ilmu.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa sepanjang penjelajahanannya ke seluruh dunia, beliau berani menyatakan tidak ada satu negara pun di dunia yang member-i bantuan kepada warga mereka sama seperti dibuat oleh Malaysia.

"Sebab itu jugalah, ramai (rakyat dan pemimpin negara asing) yang datang ke Malaysia bertanyakan cara kita menguruskan rakyat negara ini," katanya.